

ET16 Syarahan Cara-cara Menerapkan Nilai Integriti dalam Diri

Yang Dihormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru, dan rakan-rakan sekalian. Terima kasih kerana memberikan peluang untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk "Cara-cara Menerapkan Nilai Integriti dalam Diri".

Hadirin sekalian,

Banyak cara untuk menerapkan nilai **integriti** dalam diri. Antaranya ialah didikan agama yang kukuh. Didikan agama yang teguh dapat membantu seseorang membezakan hal yang baik dan buruk. Seseorang akan sedar akan baik buruk perbuatannya.

Seterusnya, murid hendaklah sentiasa mematuhi peraturan sekolah. Dengan itu, murid akan lebih berdisiplin dan bertanggungjawab. Murid akan menggalas amanah, iaitu menuntut ilmu.

Hadirin sekalian,

Kemudian, nilai integriti dapat diterapkan melalui pembelajaran. Murid-murid akan mempelajari dan menghayati nilai-nilai murni menerusi subjek yang diajarkan di dalam kelas. Sebagai contohnya, menerusi mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Kesimpulannya, kita haruslah jujur dalam semua perkara. Oleh itu, kehidupan akan harmoni dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

Glosari

- **integriti** – kejujuran; ketuhan; ketulusan